



PayNet sahkan vendor guna QR DuitNow dicaj mulai 1 November

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - September 28, 2023 @ 12:42pm
zaky@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) mengesahkan bahawa vendor yang menerima pembayaran menerusi platform kod QR DuitNow akan dikenakan caj mulai 1 November ini.

Dalam satu kenyataan, PayNet berkata, terdapat dua e-pembayaran berbeza dikenakan caj iaitu kadar diskaun peniaga (MDR) dan fi 50 sen bagi transaksi melebihi RM5,000.

"Mulai 1 November, pengecualian MDR untuk pembayaran menerusi kod QR DuitNow berakhir. Ketika ini, pembayaran kad debit dan kredit tertakluk kepada MDR, manakala terdapat pengecualian MDR untuk pembayaran QR," katanya.

PayNet berkata, MDR bukanlah caj baharu atau tambahan, ia sebaliknya insentif untuk menggalakkan penggunaan pembayaran kod QR yang diperkenalkan pada 2019 dengan MDR telah dikecualikan.

"Pengecualian ini dilanjutkan lagi berikutan COVID-19," katanya.

Mengulas lanjut, PayNet berkata, fi sebanyak 50 sen yang dilaporkan media adalah untuk pemindahan dana rakan setara (P2P) dan tiada kaitan dengan pembayaran kepada peniaga.

"Caj untuk MDR dan fi 50 sen tidak akan dikenakan untuk transaksi sama dalam apa jua keadaan.

"Adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa fi 50 sen dikenakan untuk pembayaran yang dibuat kepada peniaga. Ia juga tidak betul untuk mendakwa bahawa MDR dicaj untuk pemindahan dana menggunakan kod QR peribadi," katanya.

Berhubung kebimbangan berkaitan MDR yang akan ditanggung pengguna, PayNet menegaskan, pembelian yang dilakukan menerusi kad kredit atau debit telahpun dikenakan MDR.

"Harga produk dan perkhidmatan yang dibayar dengan kad kredit atau debit adalah sama seperti pembelian tunai.

"Oleh itu, kami tidak menjangkakan bahawa harga barangan dan perkhidmatan akan terjejas oleh pembayaran QR DuitNow selepas MDR dilaksanakan semula," katanya.

Ketika ini, terdapat fi 50 sen untuk mana-mana transaksi DuitNow melebihi RM5,000.

PayNet dimiliki oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan konsortium terdiri daripada 11 bank tempatan.

DuitNow QR ditubuhkan di bawah Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (ICTF) BNM.

ICTF memberi mandat kepada PayNet, sebagai penyedia rangkaian pembayaran dan infrastruktur utama bagi pasaran kewangan di Malaysia untuk menjalankan QR standard saling boleh kendali dan umum untuk Malaysia.